



Halaman Utama » Sarawak » Acara ngiling bidai eratkan perpaduan dalam kalangan komuniti Dayak

# Acara ngiling bidai eratkan perpaduan dalam kalangan komuniti Dayak

⌚ 2023-06-24T09:41:01+08:00



Aaron (tiga dari kanan) bersama-sama tetamu kehormat yang lain menyempurnakan acara simbolik "ngiling bidai" sebagai simbolik kepada penutupan perayaan Gawai Dayak di Bintulu malam Jumaat.

BINTULU: Acara "ngiling bidai" atau penutupan Gawai Dayak merupakan antara platform terbaik bagi mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan komuniti Dayak di negeri ini, kata Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang.

Jelasnya, pada zaman sekarang, acara "ngiling bidai" yang merupakan simbolik kepada penutupan perayaan terbesar komuniti berkenaan iaitu Gawai Dayak telah diraikan pelbagai kaum sekali gus menjadikannya acara yang menarik dan mempunyai tarikan tersendiri.

"Atas sebab itu, acara 'ngiling bidai' pada masa sekarang dapat dijadikan sebagai acara yang diraikan oleh semua kaum di negara ini selaras dengan semangat perpaduan serta integrasi nasional yang mahukan semua rakyat tidak mengira bangsa serta latar belakang bersama-sama berkongsi kegembiraan serta kemeriahinan sambutan setiap perayaan di negara ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Ngiling Bidai Gawai Dayak 2023 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bahagian Bintulu yang diadakan bertempat di Dinner World Restaurant Bintulu, malam Jumaat.

Jelasnya, acara sebegini merupakan antara platform terbaik bagi menyatukan semua komuniti di negara ini khususnya di Sarawak dengan saling berkongsi rasa dan pengalaman bersama-sama memeriahkan acara yang merupakan simbolik kepada penutupan perayaan.

Kaum Dayak jelasnya merupakan kaum yang amat mementingkan adat dalam amalan kehidupan sehari-hari yang mana acara acara ini merupakan simbolik terpenting bagi menandakan berakhirnya perayaan Gawai Dayak.

"Dalam masa sama, ia merupakan tanda kesyukuran terhadap pencapaian terhadap pelbagai aspek serta kejayaan dalam tahun-tahun sebelumnya yang mana rasa kesyukuran itu dizahirkan dengan berterima kasih kepada Petara (Tuhan) dalam kalangan Kaum Dayak mengikut kepercayaan masing-masing," ujar beliau.

Justeru tegasnya, acara sambutan Gawai yang diadakan pada masa sekarang turut menjadi salah satu saluran bagi komuniti berkenaan memperkenalkan adat serta kebudayaan Dayak kepada umum ke arah mewujudkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap perayaan berkenaan.

Dalam pada itu ujarnya, majlis Ngiling Bidai ini merupakan inisiatif di bawah kluster Semarak Perpaduan di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia Madani.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jepak Datuk Talib Zulpilip, ADUN Tanjung Batu Johnny Pang Leong Ming dan Residen Bahagian Bintulu Nyurak Keti antara yang hadir.